

PM tegur tindakan tebang pokok hutan

BH 25 NOV 1989

JITRA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur pihak yang terbabit merancang dan membangunkan projek kampus tetap Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok dekat sini, kerana memusnahkan terlalu banyak pokok hutan di situ.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengambil perhatian terhadap kejadian di tapak kampus berkenaan bagi memastikan projek pembangunan pada masa depan tidak memusnahkan terlalu banyak pokok hingga mengancam alam sekitar.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau ku-

rang senang dengan tindakan pihak berkenaan menebang banyak pokok di tapak projek kampus berkenaan.

Menurutnya, walaupun pokok itu tidak mahal, sesetengahnya berusia lebih 100 tahun dan tidak sepatutnya ditebang kerana perbuatan itu boleh menyebabkan hakisan serta mengancam sistem ekologi dan alam sekitar.

"Saya tidak mahu menyalahkan sesiapa kerana ramai yang terbabit. Lagi pun arahan kerajaan supaya pihak berkenaan mengekalkan seberapa banyak pokok di situ tidak sampai ke bawah.

"Kita akan tengok puncanya dan menentukan perkara ini ti-

dak berlaku lagi," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun berkata, pada umumnya projek kampus berkenaan berjalan dengan baik dan berharap ia dapat disiapkan tidak lama lagi.

Sebelum itu, Perdana Menteri mendengar taklimat mengenai perkembangan projek kampus berkenaan di Sintok.

Di majlis taklimat itu, beliau Mahathir juga mempersoalkan tindakan UUM membenarkan pelajar berkelamin membawa keluarga masing-masing untuk tinggal di kampus.

Menurutnya, pembinaan asrama untuk pelajar berkelamin akan menambahkan kos projek kampus itu.